

Headline **36 kanak-kanak bersahabat dengan alam**  
Date **29 Dec 2010**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **V6**  
Article Size **340 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **9,777**  
PRValue **29,330**



## 36 kanak-kanak bersahabat dengan alam



**KENANGAN...**kanak-kanak daripada Pertubuhan Kebajikan Ukuwah Anak Yatim Miskin dan Desa Amal Jireh sempat bergambar kenangan.

**K**EHUJAUAN flora dan fauna Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) di Kepong memukau pandangan 36 kanak-kanak yang menyertai perkhemahan dua hari satu malam atas jemputan Majlis Perkayuan Malaysia (MTC).

Kanak-kanak berumur antara 12 dan 14 tahun daripada Desa Amal Jireh, Semenyah dan Pertubuhan Kebajikan Ukuwah Anak Yatim Miskin, Sabak Bernam berpeluang bercuti untuk menikmati ketenangan suasana hutan buatan manusia dan menimba pengalaman yang sukar dilupakan.

Pada masa sama, perkhemahan itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan kecintaan mereka terhadap alam semula jadi dan persekitaran.

Selain taklimat ringkas mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber hutan secara bertanggungjawab, kanak-ka-

nak itu diajar cara mendirikan khemah sendiri.

Antara yang menarik, kanak-kanak itu dibawa menyusuri hutan dengan meniti jambatan gantung sepanjang 200 meter, kira-kira 35 meter di atas permukaan bumi, dengan pokok tropika yang besar sebagai titik perhentian sepanjang laluan.

"Berjalan atas titian kanopi itu benar-benar mencabar kerana jambatan gantung itu sangat tinggi dan berayun apabila kami berjalan di atasnya.

"Tetapi ia menyeronokkan kerana di tahap paling tinggi saya dapat melihat keindahan hutan dan bandar raya," kata Nurul Nadirah Zainal dari Pertubuhan Kebajikan Ukuwah Anak Yatim Miskin.

Mereka kemudian kembali ke Kem Perah untuk mengambil bahagian dalam acara perlumbaan berhalangan yang menguji ketangkasan, semangat kerja berpasukan, kepantasan dan kreativiti mereka.

Aktiviti istimewa berikutnya adalah berjalan malam.

Pengalaman unik itu membolehkan mereka melihat dan mendengar bunyi makhluk yang keluar berkeliaran pada waktu malam.

Bagi Chin Cal Vin, 14, daripada Desa Amal Jireh, aktiviti berjalan malam itu meninggalkan kenangan manis yang tidak dapat dilupakan.

Esoknya mereka bangun awal pagi dan bersedia sedia untuk menyertai acara kemuncak perkhemahan dua hari itu iaitu perlumbaan mencari harta karun.

Pengarah MTC, Suria Zainal berkata, itu kali pertama MTC menganjurkan perkhemahan malam untuk kanak-kanak kurang bernasib baik.

"Sudah pasti kami ingin meneruskan usaha seperti ini pada tahun depan dan berharap ia akan membabitkan lebih ramai kanak-kanak dan program," katanya.